

# KPI perangi kos sara hidup wajar dilaksanakan

Saranan pertubuhan bu-  
kan kerajaan seperti dica-  
dangkan persatuan peng-  
guna untuk mewujudkan se-  
buah petunjuk prestasi utama  
(KPI) pemimpin di semua pe-  
ringkat dan agensi kerajaan  
dalam usaha membanteras  
kenaikan kos sara hidup ada-  
lah perlu dan sesuai dilaksa-  
nakan mengambil kira situasi  
semasa.

Perlu diakui bahawa perka-  
ra ini adalah isu utama rakyat  
pada masa ini yang perlukan  
perhatian serta penyelesaian  
dengan kadar segera.

Tidak dinafikan juga baha-  
wa isu kos sara hidup pada  
masa ini tidak dapat dielakkan  
kesan ketidaktentuan harga  
minyak global serta suasana  
ekonomi dunia yang berada  
dalam keadaan tidak stabil.

## Buang kerenah birokrasi

Ini ditambah dengan pihak ti-  
dak bertanggungjawab yang  
mengambil peluang mening-  
katkan harga barangan de-  
ngan cara tidak sepatutnya.

Oleh yang demikian, cada-  
ngan mewujudkan KPI bagi  
memerangi kos sara hidup

perlu dilihat sebagai satu usa-  
ha positif mengurangkan ma-  
salah ini. Penggunaan KPI pen-  
ting bagi membuang segala ke-  
renah birokrasi dan protokol  
berlebihan yang ada dalam sis-  
tem perkhidmatan kerajaan  
yang dilihat memberi beban  
kepada rakyat.

Pada masa sama, melalui  
KPI itu, ia dapat menjadikan  
kenaikan kos sara hidup rak-  
yat agenda penting oleh pe-  
mimpin dan agensi kerajaan  
dalam mengutamakan kese-  
jahteraan rakyat.

Kerajaan juga menyarankan

budaya kerja berasaskan pres-  
tasi dengan menggunakan KPI  
yang diterapkan dalam per-  
khidmatan awam bagi me-  
ningkatkan kualiti penyampa-  
ian perkhidmatan.

Sejajar visi, misi dan fungsi  
agensi, setiap organisasi perlu  
mengukur prestasi perkhid-  
matan diberikan bagi memas-  
tikan semua perkhidmatan di-  
sampaikan kepada rakyat de-  
ngan baik.



**Dr Muzaffar Syah  
Mallow,  
USIM.**